



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KES REMAJA PEREMPUAN DISYAKI TIKAM BAYI SENDIRI: INTERVENSI OLEH KPWK

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) ingin merujuk laporan mengenai kes penahanan seorang kanak-kanak perempuan berusia 15 tahun yang dipercayai menikam bayinya yang baharu dilahirkan. Dalam hal ini, KPWK ingin menjelaskan bahawa kanak-kanak yang berdepan dengan konflik undang-undang perlu diuruskan melalui peraturan dan perundangan sedia ada seperti Akta Kanak-kanak 2001 dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC).

Susulan itu, pihak Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil tindakan serta-merta dengan menyantuni kanak-kanak tersebut dan ibunya pada 8 Februari 2022, dengan memberikan intervensi yang bersesuaian secara holistik menggunakan pendekatan psikososial demi kebajikan kanak-kanak tersebut.

Sepanjang kanak-kanak tersebut berada di dalam tahanan polis, sama ada di lokap atau hospital, JKM melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah telah membuat lawatan dan menyalurkan bantuan yang bersesuaian termasuklah perkhidmatan psikologi.

Ibu kanak-kanak tersebut juga telah diberi kaunseling dan intervensi awal bagi memastikan kestabilan emosi keluarga dalam menghadapi situasi mencabar ini.

Pendekatan holistik melalui pendidikan seksual reproduktif, kesedaran dan kaunseling serta khidmat nasihat untuk wanita yang sedang menjalani kehamilan yang tidak diinginkan perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan hal yang sama berulang.

Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan menyediakan peti pelindung bayi (*baby hatch*) bagi mengelakkan kes pembuangan bayi. Pada masa yang sama bayi yang telah dibuang oleh ibu bapa akan mendapat hak penjagaan keluarga dan kasih sayang melalui permohonan anak pelihara. Walau bagaimanapun, *baby hatch* bukanlah satu-satunya penyelesaian kepada kes pembuangan bayi.

Kementerian melalui JKM turut menyediakan perkhidmatan perlindungan segera di empat (4) buah Taman Seri Puteri (TSP) bagi kanak-kanak di bawah 18 tahun dan tiga (3) buah Pusat Jagaan Sinar Kasih bagi memberi jagaan dan perlindungan segera kepada wanita hamil luar nikah termasuk bayi yang dilahirkan.

Kementerian menyeru agar rakyat Malaysia terus menanamkan rasa cintakan keluarga dan menghargai anak-anak sebagai suatu amanah dan anugerah daripada Tuhan. Hatta, atas semangat “Keluarga Malaysia”, Kementerian berharap agar masyarakat turut menjadi “mata dan telinga” kepada pihak Kerajaan, dan terus memupuk sikap ambil peduli kepada

masalah kejiwaan setempat agar dapat terus melaporkan sebarang kecurigaan yang berlaku di kawasan kediaman masing-masing kepada pihak berkuasa. Rakyat juga diseru untuk melaporkan terus sebarang kejadian sebegini ke Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam. Orang awam juga boleh membuat laporan di 108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di seluruh negara atau Balai Polis yang berdekatan.

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
15 Februari 2022**